

Kepemimpinan perniagaan yang berkesan dan efektif

UB 14.12.2021 P.08

KOTA KINABALU: Buat julung kalinya Seminar Perniagaan dan Pengurusan 2021 (SPP 2021) diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dr Jakaria Dasan dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS dalam artikelnya menjelaskan seminar berkenaan dianjurkan oleh Program Teras Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, pada 7 Disember 2021.

“SPP 2021 bertindak sebagai wahana untuk ahli-ahlli akademik, penyelidik dan para pelajar di institut pengajian tinggi, dan pemimpin industri bertukar-tukar informasi mengenai perkembangan semasa akan amalan perniagaan dan pengurusan yang bersifat dinamik, khususnya, selepas COVID-19 memberi wajah baharu kepada teknikaliti perniagaan dan pengurusan sumber manusia.

“Sebelum ini, sumber manusia termasuklah eksekutif perniagaan dan pengurusan organisasi perniagaan menganggap kecekapan dalam pengurusan krisis,

menangani ketidaktentuan pasaran, pengurusan kos, daya tahan tenaga kerja, inovasi dan pengurusan aliran tunai sebagai antara elemen penting kepada kejayaan sesebuah perniagaan,” katanya.

Namun demikian katanya, sejurus selepas ledakan teknologi Revolusi Industri 4.0 disulami dengan kemunculan COVID-19, kaedah dan cara perniagaan dan sumber manusia itu diurus sudah berubah. Ringkasnya, kecanggihan teknologi dan ancaman virus telah sebatik mengubah kaedah sesuatu aktiviti perniagaan dan pengurusan itu seharusnya dijalankan.

Dalam hubungan ini katanya, kebolehan pemimpin telah menjadi ukuran penting dalam memastikan objektif dan matlamat sesebuah organisasi itu dapat dicapai.

Dalam pada itu, Pengasas, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan G&A dan juga selaku Naib Presiden Persatuan Pembangunan Usahawan Malaysia Datuk George Lim Su Chung dalam seminar berkenaan menjelaskan terdapat tujuh peranan efektif Ketua Pegawai Eksekutif.

Katanya, tujuh ciri itu adalah berintegriti, strategis, berperanan sebagai duta, inovatif, berminda pelabur, keinginan untuk belajar dan bertindak sebagai jurulatih.

“Pertama, integriti diperolehi apabila seseorang

itu memiliki kepercayaan disebabkan oleh kredibilitinya, kebergantungan orang terhadapnya dan intimasi atau keakraban hubungannya dengan orang lain.

“Bagaimanapun, kepercayaan ini akan lebur sekiranya seseorang itu bersikap mementingkan diri sendiri.

“Kedua, setiap pemimpin perniagaan berkeupayaan untuk merangka strategi bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang,” katanya.

Ketiga katanya, pemimpin mempunyai ciri-ciri seperti seorang duta yang boleh meluaskan rangkaian pasaran perniagaan yang dijalankan.

Katanya keempat, seorang pemimpin perlu bersikap seperti inovator dengan sentiasa berinisiatif untuk meningkatkan nilai tambah perniagaan yang dijalankan.

“Kelima, pemimpin perlu mempunyai minda pelabur yang sentiasa bersedia untuk membuat pelaburan yang menguntungkan. Keenam, pemimpin sentiasa mempunyai perasaan ingin belajar sesuatu yang baharu dengan mengetepikan perasaan ego.

“Ketujuh, seseorang pemimpin hendaklah bersedia untuk menjadi jurulatih yang membentuk pasukan ataupun kumpulan anak buah yang cemerlang,” katanya.